

'ISA perlu dikekalkan'

BH 31/10/2003 - 7 PRECISE

Oleh Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR: Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) perlu dikekalkan bagi mencegah sebarang tekanan dan ancaman terhadap keselamatan negara yang boleh berlaku bila-bila masa tanpa diketahui bentuknya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun ISA pada asalnya diperkenalkan pada zaman penjajahan British untuk mengengkang ancaman komunis, ia tidak bererti Malaysia perlu menghapuskannya jika ia menepati kepentingan negara.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak menggunakan ISA dengan sewenang-wenangnya dan sentiasa berhati-hati kerana sedar undang-undang itu boleh disalahgunakan.

Malah, katanya, sepanjang tempoh menjadi Perdana Menteri, beliau sudah membebaskan lebih 600 orang, termasuk tahanan politik dalam tempoh tiga tahun sejak 1981, dan selepas itu tiada lagi tahanan politik, kecuali yang mengancam keselamatan negara.

"Keselamatan negara tetap akan terancam bila-bila masa. Kalau dulu kita bermasalah dengan komunis, kemudian kita bermasalah dengan ekstremis perkauman, dan sekarang kita bermasalah pula dengan ekstremis agama. Jadi kita tidak tahu pada masa depan apa jenis ekstremis yang akan muncul.

"Sebab itu kita perlu ada undang-undang yang boleh dianggap sebagai pencegahan ini, dan tidak seperti sesetengah negara maju kononnya

liberal tetapi apabila mereka diancam, tanpa mempunyai undang-undang mereka masukkan orang dalam tahanan," katanya dalam temu bual dengan Buletin Malaysia, laman web yang dikendalikan Bahagian Keselamatan Negara.

Temu bual itu diadakan 48 jam sebelum persaraan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan disiarkan menerusi laman web itu, mulai jam 3.50 petang semalam.

Ia juga disiarkan dalam rancangan Bangsaaku Bermaruah menerusi TV1, jam 9 malam tadi.

Dalam wawancara itu, Perdana Menteri ditanya sampai bila Malaysia akan terus mengekalkan ISA kerana Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (Suha-kam) sendiri menyatakan akta itu masih perlu dikekalkan untuk jangka pendek tetapi mungkin perlu dikaji semula bagi jangka panjang.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sudah mengkaji perkara itu dan mengelak menggunakannya secara sewenang-wenangnya melainkan apabila wujud tekanan dan ancaman terhadap keselamatan negara.

ISA, undang-undang paling kontroversi dalam sejarah perundangan Malaysia, digubal dan diwartakan pada 1 Ogos 1960.

Perdana Menteri berkata, tuduhan beliau menjadikan ISA sebagai senjata untuk membolehkan kerajaan dan dirinya kekal berkuasa sengaja dibuat oleh pihak berkepentingan.

"Saya tidak nampak bagaimana saya boleh kekalkan kuasa secara peribadi melainkan kalau rakyat pilih saya ataupun pilih kerajaan. Kita adalah negara demokrasi. Kita ada pilihan raya yang dilihat oleh dunia iaitu pilihan raya yang parti lawan boleh menang. Bukan seperti sese-



DR MAHATHIR dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali melayan orang ramai mendapatkan tandatangan ketika jamuan moreh selepas menunaikan solat tarawih di PWTC, malam tadi. - Gambar oleh Izahari Ariffin

tengah negara, kalau parti lawan menang, mereka tidak dibenarkan untuk mengambil tempat mereka. Kita di sini sedia maklum bahawa ada negeri-negeri yang diperintah oleh parti lawan.

"Kalau kita nak guna ISA untuk menyekat parti lawan, mereka tidak mungkin menang, mereka tidak mungkin menjadi kerajaan kerana

kita akan masukkan mereka di dalam tahanan tetapi kita tidak berbuat demikian," katanya.

Beliau berkata, kebanyakan ditahan mengikut ISA ketika ini bukan orang yang berpolitik mengikut amalan demokrasi, sebaliknya berpolitik sebagai pengganas yang berhajat untuk membunuh, mencetuskan huru-hara, berebut kuasa serta tidak suka dengan amalan demokrasi.